

MFM sasar buka 15 cawangan baharu

» Pelaburan dalam, luar negara babit kos RM16.5j

Oleh Ahmad Fiesal Othman
fosal@bh.com.my

The Manhattan Fish Market (MFM), pengendali restoran makanan terkemuka menasarak membuka 15 cawangan baharu di dalam dan luar negara tahun depan memabatkan pelaburan kira-kira RM16.5 juta.

Pengurus Unit Perniagaan (Perniagaan Francais) MFM, Deric Yeo, berkata pembukaan cawangan baharu itu memabatkan enam di dalam negara dan sembilan di luar negara yang mana pembukaan tersebut dijangka memabatkan pelaburan kira-kira RM1.1 juta.

Cawangan luar negara

Beliau berkata, untuk cawangan baharu di dalam negara, kebanyakan akan dibuka di Lembah Klang dan selebihnya di Melaka serta Sabah dan Sarawak, manakala di luar negara,



Setiasaha Agung Persatuan Francais Malaysia, Mohamad Shukri Salleh dan Deric Yeo (kanan) pada majlis pembukaan cawangan baharu MFM di Pusat Beli-belah Quill City Mall di Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH)

pihaknya merancang membuka cawangan di Dubai, Brunei, China, Hong Kong, Macau dan Filipina, selain menambah cawangan di Singapura.

“Cawangan di luar negara

dikendalikan secara francais kecuali di Singapura yang dikendalikan sendiri oleh syarikat,” katanya dalam temubual sempena pembukaan cawangan baharu MFM di Pusat Beli-belah

Quill City Mall di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir Pengurus Unit Perniagaan MFM, David Lee Wee Eng.

MFM yang sudah bertapak kira-kira 15 tahun ialah restoran makanan laut kasual popular dimiliki dan diurus oleh Kumpulan Revenue Valley, sebuah syarikat makanan dan minuman (F&B) yang sedang pesat berkembang di Malaysia dan Singapura yang 85.76 peratus kepentingannya dimiliki oleh Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS), pengurus dana ekuiti persendirian milik kerajaan.

Secara keseluruhan, MFM kini memiliki 61 cawangan termasuk 30 di luar negara yang antaranya di Singapura, Indonesia, Thailand, Sri Lanka, Myanmar, Oman, India dan Jepun.

Hidangan penuh citarasa

Yeo berkata, tahun lalu MFM mencatatkan jualan kira-kira RM45 juta dan dijangka menamatkan tahun ini dengan jualan sebanyak kira-kira RM57 juta.

Beliau berkata, MFM mempunyai beberapa hidangan yang memenuhi cita rasa masyarakat tempatan selain pekerja terlatih yang mampu melayan pelanggan dalam tempoh ditepatkan.

“Antara strategi untuk meningkatkan jualan termasuk memperkenalkan menu makanan baharu dan kini kami sedang sedang berusaha memperkenalkan menu makanan laut premium baharu seperti ikan import yang tidak boleh diperolehi di negara ini,” katanya.

Avicennia Capital tarik lebih banyak usaha sama

Avicennia Capital Sdn Bhd (Avicennia Capital), syarikat pegangan insurans dan anak syarikat Khazanah Nasional Bhd, merancang untuk menarik lebih banyak rakan usaha sama sebagai sebahagian usaha pengembangan syarikatnya ke seluruh Asia.

Usaha berkenaan direalisasikan menerusi penganjuran Sidang Kemuncak Pengurusan Pelaburan Insurans Asia Ke-4 yang diadakan di Hong Kong, baru-baru ini yang menghimpunkan semua pemimpin industri pada peringkat global.

Buat penilaian tepat

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Alexander Ankel, berkata usaha itu adalah selari dengan trend pasaran yang sentiasa berubah dan komitmen untuk membina pakatan perniagaan itu akan memberi keuntungan pada jangka panjang.

“Sebagai syarikat yang eksklusif dalam industri insurans, kami mempunyai pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan bakat untuk membuat penilaian yang tepat sambil menjaga nilai lestari bagi pemegang kepentingan bersama dengan pasukan pengurusan anak syarikat pada masa depan,” katanya ketika memberikan ucapan pada sidang kemuncak itu.

Alexander Ankel,
Ketua Pegawai Eksekutif
Avicennia Capital

Negara membangun dapat manfaat

Sidang kemuncak berkenaan bertemakan “Mempelbagaikan Pertumbuhan Dalam Tempoh KetidakTentuan, Ketidakstabilan dan Penumpuan” itu meninjau peluang pelaburan menarik dalam suasana pelaburan yang semakin mencabar, bercirikan hasil bon negatif, perbezaan kadar yang kecil dan ketidakstabilan pasaran kewangan.

Ankel berkata, salah satu matlamat (Avicennia Capital) menganjurkan sidang berkenaan ialah untuk membolehkan penduduk di negara ekonomi yang sedang berkembang mendapat manfaat dan kemudahan penjagaan lestari, khususnya dalam segmen pendapatan sederhana dan sederhana rendah.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sekarang ini adalah masa sesuai bagi syarikat insurans untuk menyesuaikan diri dengan trend pasaran yang sentiasa berubah dan mereka perlu bijak mengambil kesempatan daripada prospek pelaburan baharu.

“Ekonomi dunia sedang melalui kitaran berkala tetapi tanda-tanda pemulihan dan penyusunan semula sudah mula dilihat. Kami mempunyai asas yang kukuh dan komited untuk membina pakatan perniagaan yang saling menguntungkan dalam jangka panjang,” katanya.

USC, Movenpicks bangun hotel mewah



Peres bersama Tengku Fatimah dan Masila (tengah) melihat replika bangunan pada majlis pemeteraian perjanjian di Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO SADDAM YUSOF/BH)

Usahasama Seri Cemerlang Sdn Bhd (USC) membentuk pakatan strategik dengan syarikat pengurusan hotel, Movenpick Hotels & Resorts, untuk membangunkan sebuah hotel bertaraf lima bintang di Kota Bharu, Kelantan dengan nilai pembanguan kasar (GDV) RM350 juta.

Hotel mewah 452 bilik dengan reka bentuk Islam itu terletak di kawasan seluas 0.71 hektar ber-

hadapan dengan Istana Sultan Kelantan di Jalan Telipot.

USC sebagai pemilih

Mengikut perjanjian itu, Movenpick yang berpangkalan di Switzerland akan menguruskan Movenpick Kota Bharu, manakala USC akan menjadi pemilih tanah dan pemaju projek berkenaan.

Memperincikan perkembangan

itu, Ketua Pegawai Eksekutif Usahasama Seri Cemerlang, Masila Mohamed Ariff, berkata pembinaan projek itu dijangka bermula pada separuh pertama 2016 dan disiap pada 2018.

Ia adalah projek pertama syarikat dalam pembangunan hospitaliti dan akan mengenal pasti lebih banyak kawasan untuk dibangunkan pada masa depan, katanya kepada pem-

berita selepas menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian itu di Kuala Lumpur, semalam. Tengku Laksamana Kelantan, Tengku Abdul Halim ibni Sultan Ibrahim turut berangkat ke majlis itu.

Jangka siap 2018

Perjanjian itu dimeterai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Movenpick, Jean Gabriel Peres serta Naib Presiden Kanan Asia Movenpick, Andrew Langdon manakala USC diwakili Pengurusinya, Tengku Fatimah Sultan Ibrahim dan Pengarahnya Afifah Mohamed Ariff.

Sementara itu, Peres berkata, projek hotel Movenpick lain sedang dibina berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), yang dijangka disiap pada 2018.

“Kami juga berharap satu lagi hotel di pusat bandar raya Kuala Lumpur, dan berharap perjanjian mengenainya dapat ditandatangani dalam tempoh enam bulan akan datang,” katanya.

BERNAMA